

**PENGURUSAN MASA WANITA  
BEKERJAYA DAN KELUARGA SEMASA  
PANDEMIK COVID 19: YANG MANA  
PERLU DI UTAMAKAN?**

**FARRAH NADIA BINTI BAHARUDDIN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN  
PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU**

Wanita merupakan tunjang utama institusi kekeluargaan. Mereka adalah ibu, juga anak, kakak serta adik perempuan di dalam sesebuah keluarga. Peranan wanita di dalam keluarga ternyata besar sumbangannya dalam pembangunan keluarga walaupun mereka adalah sangat lembut dan halus perasaannya. Bayangkan, sekiranya isteri tiada di rumah, pasti sekurang-kurangnya pengurusan rumah tangga itu akan tergendala. Begitu juga, sekiranya anak sakit, sekurang-kurangnya mereka pasti mahu ibu sentiasa berada di sisi mereka.

Peranan seorang wanita tidak hanya berhenti di dalam institusi kekeluargaan sahaja. Perubahan zaman telah menyaksikan ramai wanita yang menceburi bidang pekerjaan. Tidak boleh dinafikan bahawa wanita juga antara golongan terpenting dalam mencorak masa depan sesebuah organisasi dan juga negara. Ramai wanita yang mengisi jawatan terpenting di dalam organisasi, ekonomi, politik, negara dan sebagainya. Ada di antara wanita ini merupakan penggerak utama dalam merangka perancangan strategik, visi dan misi organisasi, ekonomi dan sebagainya.

Dunia menyaksikan bahawa gelombang pandemik COVID 19 telah menyerang dunia. Virus Corona ini memberi kesan secara total dan memberi impak kepada perubahan cara hidup manusia dan kerjaya seseorang kepada keadaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Tentunya, pandemik ini sangat memberi kesan dalam perhubungan sosial dan juga peribadi, secara tidak langsung, mempengaruhi cara seseorang berfikir dan mempengaruhi tingkah laku manusia dalam meneruskan kehidupan seharian. Bagi mengekang

penularan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diperkenalkan bagi mengurangkan pergerakan rentas negeri dan menuntut organisasi melaksanakan tugas secara bekerja dari rumah (BDR) kepada pekerja-pekerja mereka.



**Mengimbangi pengurusan masa wanita yang  
bekerjaya dan pengurusan masa seorang ibu  
dalam keluarga**

Maka, ia juga telah mengubah cara pengurusan masa seseorang wanita yang bekerjaya dan juga merupakan seorang isteri atau ibu dalam sesebuah keluarga. Sekiranya dahulu, wanita bekerjaya akan menghabiskan masa seawal lapan pagi hingga ke lima petang untuk menjalankan tugas di pejabat. Namun demikian, gelombang pandemik ini telah mengubah pengurusan masa dan tugas wanita secara kebiasaan bekerja di pejabat kepada bekerja dari rumah. Keperluan untuk mengimbangi amanah dalam menjalankan tugas pejabat dari rumah dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dalam pengurusan rumah tangga amat perlu dititikberatkan.

Walaupun cabaran untuk mengimbangi kedua-dua tanggungjawab ini sangat besar, kebanyakan wanita mampu menangani perkara ini dengan baik. Wanita yang hebat mampu mengubah persepsi cabaran itu secara positif dan mengambil peluang untuk menghabiskan masa bersama keluarga tanpa mengabaikan amanah dan tugas dalam kerjaya. Sesukar mana tugas pejabat dari rumah, mereka tetap inginkan anak-anak membesar di hadapan mereka. Itulah kekuatan seorang wanita. Bak pepatah melayu, wanita yang menghayun buaian, mampu mengoncang dunia.